


Pandang Sisi:
Tuan Guru Dato'
Nik Abdul Aziz Nik Mat



FENOMENA NIZAR

2595
AN

“Antara langit yang tergantung luas dan bumi yang hampar tanpa penghujung, berdiri seorang insan yang p menggenggam panji perjuangan Islam dengan nekad gala halangan bakal dirandai tanpa sekelumit takut.”

Wan Ji Wan Husin
Saifulamri M. Hussain



DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG



PUSTAKA PERDANA



1007564

Perpustakaan Negara Malaysia
Wan Ji Wan Husin, 1982-

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Fenomena Nizar / Wan Ji Wan Husin, Saifulamri M. Hussain.
ISBN 978-967-5249-14-3

1. Mohammad Nizar Jamaluddin, Datuk Seri, 1957-. 2. Politicians—Perak.
3. Perak—Politics and government. I. Saifulamri M. Hussain. II. Judul.
923.2595114



© Anbakri Publika Sdn Bhd

Cetakan pertama : Jun 2009

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenar mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat izin secara bertulis daripada ANBAKRI PUBLIKA SDN BHD

FENOMENA NIZAR

KARYA **WAN JI WAN HUSSIN & SAIFULAMRI M. HUSSAIN**

PENERBIT EKSEKUTIF **ANNUAL BAKRI HARON**

PENGARAH PENERBITAN **ABU MARWAN AL-ADIB** EDITOR **HUDHUDRIMBA**

PERWAJAHAN ISI **HASMARIZA MD HASHIM** PERWAJAHAN KULIT **NUR AMANINA MASRI**

JUALAN & PROMOSI **HASRULNIZAM CHE OMAR** & SALES TEAM

PENERBIT **ANBAKRI PUBLIKA SDN BHD** (796344-P)

#34, Jalan Pekaka 8/3, Seksyen 8, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03-6157 3314 Faks: 03-6157 3341 URL: www.anbakri.com

emel: anbakripublika@gmail.com

Font: Baskerville Old face

Saiz: 12/14

Dicetak oleh:
PERCETAKAN ZAFAR SDN BHD
Lot 18 & 20, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park,
Batu Caves, Kuala Lumpur.

923.2595

WAN

Isi Kandungan

Seasap Keris

Sekental Nyali

Pandang Sisi:

Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat

Bab 01:

Nizar: Fenomena dalam Politik Baru	1
- Siapa Ir. Nizar?	7
- Ir. Nizar Diterima Ramai	10

Bab 02:

Isra' Mikraj Menjana Kejayaan	
Rakyat Perak	15
- Perjuangan Rasulullah SAW Diteruskan	18
- Musuh Dengki	24
- Keberkatan	27

Bab 03:

Tanggungjawab sebagai Pemimpin	30
- Awal Kemenangan	32
- Mengisi Kemenangan	34

Bab 04:

Bersama Menegakkan Keadilan Sejagat	42
- Pakatan Rakyat	
ke Arah Keadilan Sejagat	47
- Pakatan Rakyat Dicemburui Musuh	51



Bab 05:		
	Mehnah dan Tribulasi dalam Mentadbir	58
	- Gunting dalam Lipatan, Pepijat dalam Selimut	61
	- Benci kepada Nifaq	63
	- PR Perak Diganggu	64
	- Serangan Semakin Hebat	66
	- Kesabaran	70
Bab 06:		
	Konsep Tadarruj dalam Perlaksanaan Islam	74
	- Islam Agama Mudah	76
	Konsep Tadarruj Pakatan Rakyat Perak	78
Bab 07:		
	Hindari Fikrah Perkauman	85
	- Asobiyah Membinasakan	89
	- Asobiyah di Malaysia	91
	- Islam Berjaya Menjadi Penyelamat	94
Bab 08:		
	Sabar Menghadapi Kemelut	99
	- Perancangan Allah	103
Bab 09:		
	“Patik Mohon Sembah Derhaka...”	112
	- Kedudukan Penguasa dalam Islam	114
	- Taat kepada Penguasa	116
	- Asas Perbincangan	116
	- Sisem Beraja	118
	- Isykal dan Jawapan	124
	- Beberapa Igauan dan Jawapan	127
	- Kesimpulan	132

Bab 10:	
Nizar dan Media	135
- Berjaya Sampaikan Mesej kepada Raja Nazrin	135
- ‘Pilihan Raya, Bubar DUN Mampu Selesai Kemelut Politik di Perak’	144
- Nizar Jamaluddin Menteri Besar Perak: Saya Tidak Gila Kuasa	152
- MB Haram Laksana Tugas MB Halal	156
- Krisis Perlembagaan di Perak	161
 Bab 11:	
Anekdote	165

Seasap Keris

Mungkin, berbeza dengan kelahiran pemimpin biasa, kelahiran tokoh pemimpin dalam gerakan Islam lebih banyak melibatkan campur tangan dari 'kuasa langit.' Ia ditentu, direstu, bahkan dibantu oleh Allah SWT. Jika betul-betul diamati, hampir benar bahawa setiap pemimpin saf pertama dalam mana-mana gerakan Islam dan proses tajdid tidak sangat dipengaruhi dan ditentukan oleh perancangan, latihan dan ikhtiar manusia semata-mata. Walaupun tidaklah dapat dinafikan bahawa faktor perancangan dan usaha tetaplah penting untuk melahirkan pemimpin kelas pertama yang bertaraf '*born to be a leader*,' namun ini tidak semestinya benar untuk pemimpin gerakan Islam.

Kelahirannya agak bersifat seakan segera. Ini lebih-lebih lagilah benar apabila timbul sesuatu krisis. Ada ketika, seolah-olah Allah SWT sengaja simpan atau tangguhkan pemimpin itu daripada dimunculkan terlalu awal. Ia untuk dinantikan kebangkitannya agar bertepatan dengan

kemunculan krisis. Sewaktu berada dalam 'simpanan' itu, Allah SWT 'mendera' pemimpin kecil yang direzabkan itu dengan pelbagai ujian demi mengangkat tugas yang lebih besar di lapangan. Direndamnya, diselamnya, diangkatnya, dijemurnya, digantungnya, dikelarnya, diradaknya, disalainya, dibakarnya, dicampaknya, dihumbannya, direjamnya, dibaringnya dan kadang-kala ditimbusnya untuk menilai tahap istiqamah.

Demi sebuah persediaan, dia sengaja di'besar'kan dalam kesukaran, untuk menerima ujian dan tribulasi supaya dia seutuh tugu demi melikui batu-batu besar cabaran di alur deras sungai yang sedang dan bakal dilikui olehnya dalam fasa-fasa perjuangan untuk menegakkan Islam. Demikian sebuah analogi.

Demikianlah juga seorang Mohammad Nizar. 52 ahun yang lalu, beliau telah ditakdirkan lahir di sebuah kampung kecil bernama Air Hitam Labu, Kampar Perak. Kemudian, beliau telah ditakdirkan bersekolah dan memasuki Sekolah Menengah Teknik, Brash Drive, Ipoh. Tamatnya pengajian teknikal di sana beliau dihantar ke Norwich City College of Arts and Technology, Norwich, East Anglia, UK, sebelum diatur untuk menyudahkan kuliah akademiknya di peringkat ijazah kejuruteraan mekanikal di Aston University of Science and Technology, West Midlands, Birmingham, United Kingdom. Ini yang kami maksudkan sebagai lorong-lorong yang telah ditentukan dalam *'the making of Nizar.'*

Bertaraf profesional sepenuhnya, antara sebanyak-banyak parti politik, kenapa Mohammad Nizar masih dibuka pintu hatinya untuk memilih Parti Islam Se-Malaysia? Beliau lalu bergiat cergas untuk mengharungi susah payah dalam sebuah pergerakan siasah yang mahu memartabatkan Islam.